



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.3(24)
Tarikh : 8 April 2025
Bersamaan : 9 Syawal 1446H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 24/2025 (K) : LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SUKUAN PERTAMA (1) TAHUN KEWANGAN 2025

Dengan hormatnya perkara di atas dan emel daripada BPOPA, No.Ruj: JANM.100-1/7/6(10) bertarikh 7 April 2025 adalah berkaitan.

- Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2022 – Lampiran B3 : Garis Panduan Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan telah menetapkan supaya Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengemukakan Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan pada setiap suku tahun kepada JANM Negeri atau Bahagian Akaun Kementerian.
- Sehubungan dengan itu, berikut adalah tindakan yang perlu diambil oleh PTJ dipertanggung dalam proses penyediaan laporan seperti di Lampiran A.** Manakala edaran SPLO kepada PTJ akan dibuat mulai 21 April 2025. PTJ perlu memastikan tindakan seperti di Lampiran A telah dilaksanakan sebelum laporan dikemukakan ke JANM Negeri Melaka.
- Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga, **kesemua laporan seperti di Lampiran A perlu disahkan oleh Ketua PTJ dan dikemukakan secara *softcopy* kepada jabatan ini melalui e-mel upa_mlk@anm.gov.my selewat-lewatnya pada 30 April 2025 (Rabu) ke Jabatan ini TANPA GAGAL.**
- Bersama-sama ini disertakan *template* kosong bagi tujuan tindakan penyediaan laporan tersebut. *Template* ini juga boleh dimuat turun melalui pautan <https://drive.google.com/drive/folders/18Ogm4lC3wcTVOnOkj72VbXKlf2WtEZCs?usp=sharing>

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai Unit Pengurusan Aset di talian 06-2895038 / 5049 / 5047 / 5045 / 5041 / 5043. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A.(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

LAMPIRAN A

JADUAL AKTIVITI PENYELENGGARAAN LAPORAN ASET BUKAN KEWANGAN SUKUAN KEEMPAT (4) TAHUN 2024			
1. TINDAKAN PTJ	LAPORAN	TARIKH	TANGGUNGJAWAB
Jana Laporan Baki Aset (LBA) bagi tarikh seperti pada 31 Mac 2025 mulai 7 April – 10 April 2025 dan edar kepada UPA dan UPF untuk semak keberadaan aset. Pastikan semua kod akaun aset di dalam LBA dijana dan disemak.	Laporan Baki Aset (LBA) iGFMAS)	Mulai 07.04.2025 hingga 10.04.2025	PTJ (Unit Kewangan)
- Semak semua item dalam LBA dan keberadaan aset. Pastikan bilangan dan amaun aset di LBA disahkan dengan kewujudan fizikal aset di PTJ. - Kemas kini maklumat dokumen sokongan bagi Tanah, Bangunan dan Infrastruktur. - Sediakan Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan (Aset Alih, Aset Biologi, Aset Tak Ketara dan Aset Tak Alih). - Kenal pasti item perbezaan, laksanakan tindakan pembetulan dan pelarasan. - Tindakan pembetulan dan pelarasan merangkumi perakaunan Aset Hadiah/ Sumbangan dan Pindahan Masuk Aset bagi Aset Wujud tetapi Tiada di LBA (Aset Terkurang Nyata di Penyata Kewangan Kementerian); dan - Pelupusan serta Pindahan Keluar Aset bagi Aset Tidak Wujud tetapi Ada di LBA (Aset Terlebih Nyata di Penyata Kewangan Kementerian).	- Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan (Aset Alih, Aset Biologi, Aset Tak Ketara dan Aset Tak Alih) [Lampiran B3-A-A1 & A2 serta Lampiran B3-B-A1 & A2]	Mulai 07.04.2025 hingga 29.04.2025	PTJ (UPA / UPF / Unit Kewangan)

LAMPIRAN A

1. TINDAKAN PTJ (samb...)	LAPORAN	TARIKH	TANGGUNGJAWAB
➤ Menerima laporan S_PL0_86000030 daripada JANM MELAKA mulai 21.04.2025 dan membuat semakan silang antara baki SPL0 mengikut kod akaun dan LBA.	➤ S_PL0_ 86000030	➤ Mulai 21.04.2025	PTJ (UPA / UPF / Unit Kewangan)
➤ PTJ Dipertanggung hendaklah menyedia dan mengemukakan Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan seperti pada 31.03.2025 kepada Pejabat Perakaunan seperti di Lampiran B3-C-A1. ➤ Pengesahan hendaklah dibuat berdasarkan Laporan Baki Aset di Portal iGFMS dan maklumat S_PL0_86000030 yang muktamad. ➤ Kemukakan Laporan Perbezaan yang disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan kepada JANM MELAKA dan satu salinan untuk simpanan rekod PTJ yang difailkan berserta <i>hardcopy</i> dokumen sokongan lengkap bagi Tanah, Bangunan dan Infrastruktur. ➤ Lapor dan bentang isu-isu Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan dan perakaunan aset (jika ada) dalam Mesyuarat JKPAK/JKPAK Fasiliti dan JPKA.	➤ Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan (Aset Alih, Aset Biologi, Aset Tak Ketara dan Aset Tak Alih) ➤ [Lampiran B3-A-A1 & A2, Lampiran B3-B-A1 & A2 serta Lampiran B3-C-A1]	➤ 21.04.2025 hingga 30.04.2025 ➤ Selewat-lewatnya pada 30.04.2025 ➤ <i>*(Mohon PTJ kemukakan semua laporan yang telah lengkap kepada JANM MELAKA dengan kadar SEGERA tanpa menunggu tarikh akhir)</i>	PTJ (UPA / UPF / Unit Kewangan) PTJ (UPA / UPF / Unit Kewangan)